

05 JUL 1999

RAKYAT M'SIA DIMINTA HARGAI SISTEM POLITIK NEGARA SEKARANG

KOTA KINABALU, 5 Julai (Bernama) -- Rakyat Malaysia patut menghargai sistem politik negara sekarang kerana sistem itu telah membolehkan semua orang hidup secara aman dan harmoni, kata anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Salleh Tun Said.

Sistem politik itu yang dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan adalah unik dan yang terbaik bagi Malaysia, mengambil kira rakyatnya yang berbilang kaum dan pelbagai agama, katanya pada jamuan malam perpisahan bagi kira-kira 400 perwakilan peringkat kebangsaan mesyuarat agung tahunan Persatuan Bekas Pegawai Pendidikan Malaysia di sini malam tadi.

"Oleh itu, kita perlu berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan kata-kata manis pihak luar yang cemburu dengan kejayaan Malaysia; seolah-olah terdapat sistem yang lebih baik bagi kita. Kita tidak sepatutnya meniru Barat dan dalam proses itu memusnahkan negara kita sendiri," kata Salleh yang juga Ketua Biro Pendidikan Umno Sabah.

Di bawah kewibawaan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia bukan hanya berkembang maju tetapi turut membolehkan rakyatnya, terutama Bumiputera setanding dengan rakyat negara-negara lain, kata bekas Ketua Menteri Sabah itu.

Bagaimanapun, walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu orang ramai, terdapat segelintir rakyat Malaysia memilih untuk mengkritik pemimpin negara dan memburukkan nama baik negara di dalam dan luar negara, kata Salleh.

Beliau berkata yang sedihnya, kritikan itu dibuat oleh orang yang pernah menerima bantuan daripada kerajaan.

-- BERNAMA

HAK RHM